

08 MAY 1999

Dompok-Penggiliran

PENGGILIRAN - PDS BUAT PENDIRIAN BILA TIBA MASA

KOTA KINABALU, 8 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok berkata beliau akan menyatakan pendirian parti itu mengenai penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah apabila tiba masanya.

Buat masa ini, bekas Ketua Menteri itu berkata beliau tidak nampak mengapa parti itu perlu segera menyatakan pendiriannya mengenai perkara itu.

"Masih banyak masa untuk membincangkannya dan saya rasa saya tidak perlu terburu-buru untuk turut sama memberi pendapat itu yang bertali arus di akhbar-akhbar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat pertama Persatuan Pendidik Kadazandusun Sabah di sini, hari ini.

Sistem penggiliran jawatan itu setiap dua tahun sekali antara tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam, diperkenalkan semasa Barisan Nasional (BN) mengambil alih kerajaan negeri pada 1994.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengilhamkan idea itu sehari sebelum pilihan raya negeri Sabah pada 1994 bagaimanapun berkata baru-baru ini kerajaan bersedia mengkaji semula sistem itu jika ia yang dikehendaki oleh rakyat Sabah.

Beberapa tokoh politik Sabah, terutama dari Umno, secara terbuka meminta sistem itu dibatalkan dengan menyatakan bahawa ia tidak lagi dapat dipertahankan berikutan keputusan pilihan raya negeri Sabah pada 12 dan 13 Mac yang menyaksikan hanya dua calon BN dari parti Kadazandusun yang menang.

Dompok sendiri tewas dalam pertandingan enam penjurong di Moyog.

Ditanya mengenai pandangannya mengenai perdebatan antara penduduk mengenai penerusan sistem itu, Dompok berkata : "Saya perhatikan pihak yang telah mengeluarkan kenyataan dalam akhbar cuma mengutarakan pandangan peribadi mereka dan bukan satu kenyataan rasmi daripada parti.

"Jadi saya fikir tidak perlulah bagi saya memberi sumbangan dalam perbahasan itu. Kalau parti-parti sudah sudah membuat keputusan, barulah saya akan memberi pandangan rasmi daripada parti," katanya.

Ditanya sama ada beliau telah ditawarkan sebarang jawatan dalam kerajaan, Dompok berkata beliau tidak membincangkan perkara itu dengan BN.

"Buat masa ini saya agak gembira di mana saya berada ... saya boleh melakukan sebahagian daripada perkara yang tidak dapat saya lakukan sebelum ini. Saya tidak tergesa-gesa untuk menjawab sebarang jawatan rasmi," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan menerima perlantikan jika ditawarkan, beliau berkata: "Saya fikir kita tidak dapat menolak untuk berkhidmat kepada rakyat dan masyarakat."

-- BERNAMA

JS LAT NAK